



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA  
(Agenzi di bawah KPDNHEP)

## SOALAN LAZIM

### MORATORIUM BAGI MENGEMUKAKAN DOKUMEN BERKANUN KEPADА SSM

"Lanjutan tempoh 30 hari dari tarikh akhir Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi semua syarikat mengemukakan semua dokumen berkanun kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Tiada fi lewat serah simpan akan dikenakan sepanjang tempoh moratorium ini."

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah tujuan inisiatif ini diumumkan?	Bagi menggantikan tempoh hari yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada syarikat untuk mengemukakan dokumen berkanun kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), tanpa dikenakan fi lewat serah simpan.
2.	Apakah Kriteria Kelayakan bagi inisiatif ini?	Semua syarikat dan perkongsian liabiliti terhad yang perlu menyerah simpan dokumen berkanun sewaktu PKP berkuatkuasa.
3.	Bagaimana inisiatif ini dilaksanakan?	SSM akan memberikan lanjutan tempoh selama 30 hari dari tarikh akhir PKP untuk menyerah simpan semua dokumen berkanun yang terkesan. Syarikat dan perkongsian liabiliti terhad tidak perlu mengemukakan permohonan untuk moratorium ini.
4.	Apakah contoh Dokumen Berkanun dibawah inisiatif ini?	(a) Mengemukakan Penyata Tahunan; (b) Mengemukakan Penyata Kewangan; (c) Mengemaskini maklumat pemegang saham; (d) Mengemaskini maklumat perubahan ahli Lembaga Pengarah

		<p>dan Pegawai Syarikat;</p> <p>(e) Mengemaskini maklumat alamat berdaftar atau alamat perniagaan.</p>
5.	Bilakah tempoh moratorium bermula?	Tempoh moratorium akan bermula pada 1 September 2020 dan akan berakhir pada 30 September 2020.
6.	Apakah tujuan "tempoh moratorium"?	<p>Tempoh moratorium adalah satu insentif yang diberikan kepada syarikat dan perkongsian liabiliti terhad untuk menyerah simpan dokumen berkanun yang mana tidak dapat diserah simpan dengan SSM kerana PKP.</p> <p>Bagi mengelakkan keraguan, syarikat tidak perlu memohon lanjutan masa (EOT) tambahan jika dapat menyerah simpan dokumen berkanun pada atau sebelum 30 September 2020 walaupun tempoh lanjutan masa di bawah insentif COVID-19 telah luput.</p>
7.	Bolehkah tempoh moratorium dinikmati oleh semua syarikat bagi tujuan menyerah simpan penyata kewangan kepada SSM? Bagaimana jika syarikat telah memohon lanjutan masa di bawah Arahan Amalan Bil. 6/2020 tetapi tempoh masa yang dilanjutkan berakhir pada atau sebelum 31 Ogos 2020, adakah syarikat itu layak untuk menikmati tempoh moratorium?	<p>Ya, tempoh moratorium boleh dinikmati oleh semua syarikat.</p> <p>Jika hari terakhir tempoh lanjutan masa (EOT) yang diluluskan di bawah Arahan Amalan Bil. 6/2020 berakhir pada atau sebelum 31 Ogos 2020, syarikat boleh menikmati tempoh moratorium 30 hari. Oleh itu, penyata kewangan syarikat perlu diserah simpan dengan Pendaftar selewat-lewatnya pada 30 September 2020.</p> <p>Bagi tujuan edaran penyata kewangan dan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) dalam keadaan sedemikian, syarikat dianggap telah mematuhi tempoh masa yang ditetapkan di bawah seksyen 258 dan 340 Akta Syarikat 2016 jika syarikat telah menyerah simpan dokumen berkanun kepada Pendaftar pada atau sebelum 30 September 2020.</p>
8.	Jika sesebuah syarikat masih tidak dapat menyerah simpan penyata kewangan sebelum 30	Syarikat hendaklah memohon EOT tambahan dan melampirkan salinan permohonan e-mel dan Lampiran A dalam Arahan Amalan Bil. 6/2020 di

	September 2020, adakah syarikat perlu memohon EOT tambahan?	bawah Inisiatif Covid-19 yang telah dikemukakan sebelum ini menurut Arahan Amalan Bil. 6/2020. Setiap permohonan akan diproses bergantung kepada keadaan kes. Fi yang telah dibayar bagi permohonan EOT yang dikemukakan sebelum bermulanya PKP tidak akan dikembalikan.
9.	Jika sesebuah syarikat tidak mengemukakan permohonan di bawah Inisiatif COVID-19 dan tarikh edaran telah tamat sebelum 30 Jun 2020, bolehkah syarikat menikmati moratorium ini?	Ya, syarikat boleh mendapat manfaat daripada tempoh moratorium 30 hari dengan syarat syarikat tersebut menyerah simpan dokumen berkanun selewat-lewatnya pada 30 September 2020.
10.	Tahun kewangan berakhir syarikat saya adalah pada 30 Jun 2019 dan SSM telah meluluskan permohonan EOT syarikat bagi edaran dan serah simpan penyata kewangan sebelum bermulanya PKP. Seterusnya, syarikat saya telah memohon EOT di bawah inisiatif ini.  Bolehkah syarikat saya mendapat manfaat daripada tempoh moratorium 30 hari ini?  Jika saya memerlukan lebih masa, bolehkah syarikat memohon EOT seterusnya?	Jika permohonan EOT syarikat bagi edaran dan serah simpan penyata kewangan telah diluluskan oleh SSM sebelum bermulanya PKP dan tahun kewangan berakhir syarikat adalah dari 1 Jun 2019 hingga 30 September 2019, syarikat layak untuk menikmati tempoh moratorium 30 hari.  Sekiranya syarikat masih memerlukan lebih masa, sebarang permohonan seterusnya untuk EOT akan diproses berdasarkan permohonan tersebut.